

D.R. 66/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 1A

2. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 1A dengan memasukkan selepas takrif “certificate of incorporation” takrif yang berikut:

‘ “Minister ” means the Minister charged with the responsibility for law;

“prescribed” means prescribed by the Minister by regulations made under this Act.’.

Seksyen baharu 2A dan 2B

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen yang berikut:

“Name of body corporate and change of name

2A. (1) No trustee shall be incorporated with a name which in the opinion of the Minister is undesirable or unacceptable.

(2) The name of every body corporate registered under this Act shall include the words “registered” and “trustees”.

(3) Subject to subsection (2), such body corporate may, with the written approval of the Minister, change its name.

(4) The trust deed or any related instrument of such body corporate shall be amended to give effect to any change of name.

(5) Where such body corporate changes its name, a new certificate of incorporation shall be issued in the form and manner as may be prescribed by the Minister.

(6) Any change of name shall not affect the rights or obligations of the body corporate or render defective any legal proceedings by or against the body corporate.

(7) Any proceedings which might have been continued or commenced by or against a body corporate by its former name may be continued or commenced by or against it, by its new name.

Trustee to keep register of beneficial owners

2B. (1) A trustee shall keep a register of the beneficial owners of its trusts and shall enter into the register the following particulars:

(a) the name and postal address of each beneficial owner;

(b) the nature of the beneficial ownership;

- (c) the date on which each beneficial owner was entered into the register as a beneficial owner;
- (d) the date on which any beneficial owner ceased to be a beneficial owner; and
- (e) any other information as may be prescribed by the Minister.

(2) The trustee shall ensure that the register of beneficial owners of the trusts shall be kept at the registered office of the trustees unless—

- (a) where the register is done at another office, it may be kept at the other office but such other office shall not be outside Peninsular Malaysia; or
- (b) where the register is done by another person on behalf of the trustees, it may be kept at the office of such person but such office shall not be outside Peninsular Malaysia.

(3) The trustee shall send a notice to the Minister in the form and manner as may be determined by the Minister, of the place or any change of place where its register of beneficial owners is kept, within fourteen days after creating the register or changing the place, as the case may be.

(4) The trustee shall, within fourteen days after creating the register of beneficial owners, transmit a copy of the register to the Minister in the form and manner as may be determined by the Minister.

(5) Any trustee who contravenes this section commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit.”.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “the trustees to the Minister” perkataan “within one month”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Any trustee who contravenes subsection (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit.”.

Pindaan seksyen 6

5. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Subject to subsection (1), the Minister may inspect or authorize any person to inspect a trustee if he is of the opinion that the property vested in the trustee is being misused.

(3) If, as a result of the inspection carried out pursuant to subsection (2), the Minister finds that the property has been misused, or used in circumstances which are prejudicial to the interests of members of the body corporate in respect of which the trustee has been incorporated, he may—

- (a) suspend the trustee found in misuse of such property; and
- (b) refer the matter to law enforcement agencies for investigation.”.

Pindaan seksyen 15

6. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Without prejudice to the provisions of subsections (1) and (2), the Minister may at any time by a notice in writing, order any trustee, to permit its accounts to be inspected by any relevant authority authorized by the Minister.

(6) Any trustee who fails to comply with the order made under subsection (5)—

(a) shall have its certificate of incorporation revoked under section 17; and

(b) shall not be entitled to reapply for a certificate of incorporation under this Act for a period of five years.

(7) Any trustee who contravenes subsection (3) or (4) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit.”.

Seksyen baharu 15A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Private and public disclosure

15A. (1) The Minister may, in the interest of the members of a body corporate incorporated under this Act, take such steps as may be necessary to provide any information furnished by or on behalf of such trust or trustees, to the members of the body corporate.

(2) The Minister may, in the interest of the public, take such steps as may be necessary to publish any information furnished by or on behalf of such trust or trustees, in any form or manner as he thinks fit.”.

Pindaan seksyen 19

8. Subseksyen 19(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “the Public Trust Corporation Act 1995 [*Act 532*]” perkataan “or in any relevant authorities as may be determined by the Minister”.

Seksyen baharu 20A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:

“Compounding of offences

20A. (1) The Minister may, with the approval of the Public Prosecutor, make regulations prescribing—

- (a) any offence under this Act as an offence which may be compounded; and
- (b) the method and procedure for compounding such offence.

(2) The Registrar may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under this Act prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected to have committed the offence to compound the offence upon payment to the Registrar of an amount of money not exceeding fifty per centum of the amount of maximum fine for that offence within such time as may be specified in his written offer.

(3) An offer under subsection (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted.

(4) If the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer, or such extended time as the Registrar may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(5) Where an offence has been compounded under subsection (2), no prosecution shall after that be instituted in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made.

(6) All sums of money received by the Registrar under this section shall be paid into and form part of the Federal Consolidated Fund.”.

Pindaan seksyen 21

10. Subseksyen 21(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - “(e) any matter relating to beneficial owners of a trust;
 - (f) any matter relating to the variation or revocation of the certificate of incorporation;
 - (g) the offences which may be compounded and the forms to be used and the method and procedure for compounding the offences under this Act; and
 - (h) any other matters required by this Act to be prescribed.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (“Akta 258”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 1A Akta 258 untuk memasukkan takrif baharu “Minister” dan “prescribed” ke dalam Akta 258.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 2A dan 2B ke dalam Akta 258.

Seksyen baharu 2A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada pemegang amanah boleh diperbadankan dengan nama yang pada pendapat Menteri adalah tidak wajar atau tidak boleh diterima. Seksyen baharu

ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa nama tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta 258 hendaklah termasuk perkataan “berdaftar” dan “pemegang amanah” dan pertubuhan perbadanan itu boleh menukar namanya dengan kelulusan Menteri.

Seksyen baharu 2B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan, antaranya bahawa pemegang amanah hendaklah menyimpan daftar pemunyaan benefisial bagi amanahnya dan hendaklah memastikan bahawa daftar pemunyaan benefisial itu disimpan di pejabat berdaftar pemegang amanah melainkan perenggan 2B(2)(a) atau (b) terpakai.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 258 untuk memperuntukkan bahawa pelantikan tiap-tiap pemegang amanah baharu hendaklah diperakui oleh, atau melalui arahan, pemegang amanah kepada Menteri dalam masa satu bulan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menjadikannya sebagai kesalahan bagi mana-mana pemegang amanah yang melanggar subseksyen 5(2) Akta 258.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 258 bagi memperuntukkan bahawa Menteri boleh memeriksa atau memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memeriksa pemegang amanah dan tindakan yang perlu diambil selepas pemeriksaan dijalankan di bawah subseksyen 6(2) yang dicadangkan. Menteri boleh menggantung pemegang amanah yang didapati telah menyalahgunakan harta dan merujuk perkara tersebut kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan bagi penyiasatan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 258 untuk memberi Menteri kuasa untuk memerintahkan mana-mana pemegang amanah, pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis, untuk membenarkan akaunnya diperiksa oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang diberi kuasa oleh Menteri. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan jika mana-mana pemegang amanah tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen 15(5) yang dicadangkan. Selanjutnya, *fasal* ini bertujuan untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana pemegang amanah yang melanggar subseksyen 15(3) dan (4) Akta 258.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 15A ke dalam Akta 258 untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh memberikan apa-apa maklumat yang diberikan oleh atau bagi pihak pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah itu kepada anggota pertubuhan perbadanan demi kepentingan anggota pertubuhan perbadanan dan boleh juga menyiarkan apa-apa maklumat yang diberikan oleh atau bagi pihak pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah itu demi kepentingan awam dalam apa-apa bentuk atau mengikut cara yang difikirkannya patut.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 19(2) Akta 258 untuk memperuntukkan bahawa dalam ketiadaan pemegang amanah yang disebut dalam subseksyen 19(1) Akta 258, apa-apa harta yang terletak hak pada pertubuhan perbadanan itu hendaklah terletak hak pada Amanah Raya Berhad atau pada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 20A ke dalam Akta 258 untuk mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 258 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara tambahan yang baginya peraturan-peraturan boleh dibuat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3399]